

16/12/1997

Ghapur sah letak jawatan: Yong

Hadi Karim

TAWAU, Isnin - Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee mengesahkan sudah memaklumkan secara rasmi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung peletakan jawatan Datuk Abdul Ghapur Salleh daripada Kabinet negeri.

Menurutnya, makluman itu disampaikan menerusi sepucuk surat rasmi yang dihantar ke pejabat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, pagi ini.

"Saya sudah menerima surat peletakan jawatan Ghapur secara rasmi dan sudahpun menulis surat kepada pejabat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri (TPM) secara rasmi hari ini untuk memaklumkan perkara itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Tawau di sini, sebelum berlepas ke Tenom, petang ini.

Terdahulu, Yong yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah menghadiri perjumpaan bersama parti komponen Barisan Nasional (BN) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sri Tanjung, dekat sini pagi ini.

Ghapur mengumumkan peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan serta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Sabtu lalu, dengan memberi alasan peribadi dan "gagal menjalankan tugas" sebagai faktor beliau berbuat demikian.

Yong berkata, beliau akan meneliti dan mempertimbangkan sewajarnya surat peletakan jawatan Ghapur itu.

Katanya, beliau masih mempunyai masa untuk mempertimbangkan peletakan jawatan Ghapur kerana ia hanya akan berkuatkuasa pada 18 Disember ini.

"Saya masih mempunyai masa untuk mempertimbangkannya kerana peletakan jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan akan berkuatkuasa pada 18 Disember ini," katanya.

Menurutnya, Ghapur masih kekal sebagai Pengerusi BN Tawau dan perkara itu sudah dimaklumkan kepada wakil komponen BN bagi kawasan DUN Sri Tanjung ketika mengadakan perjumpaan dengan mereka pagi ini.

Yong menafikan laporan akhbar tempatan yang mengatakan beliau menemui Ghapur di Lahad Datu pada malam Sabtu lalu.

"Memang benar saya di Lahad Datu pada malam itu, tetapi tidak benar saya ada menemuinya pada malam itu," katanya.

Menurutnya, sejak peletakan jawatan itu diumumkan, beliau masih belum menemui Ghapur sehingga hari ini.

(END)